

ISU

KEMALANGAN jalan raya menyebabkan kesesakan trafik dan menyusahkan pengguna jalan raya yang lain. – Gambar hiasan

KECUAIAN dan sikap pemandu itu sendiri antara punca nahas utama kemalangan jalan raya. – Gambar hiasan

Telefon bimbit punca utama nahas jalan raya

KOSMO
 21/7/16
 M15 24



ROZMI



TEIK HUA

KEGILAAN orang ramai menggunakan telefon bimbit ketika memandu semakin membimbangkan sementara ia antara punca utama nahas jalan raya sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia.

Statistik di beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) mendapati, hampir 1.6 juta kemalangan di negara itu berlaku akibat penggunaan telefon bimbit pada setiap tahun.

Berdasarkan statistik terkini dalam negara, sebanyak 489,606 kes kemalangan direkodkan pada 2015 dan angka korban nyawa mencecah 6,706 orang, berbanding 476,196 kes pada 2014 (6,674 kematian).

Persoalannya, apakah punca yang menyebabkan kemalangan jalan raya berlaku di negara kita?

Kosmo! pada 26 Jun lalu melaporkan, penggunaan telefon bimbit ketika memandu kenderaan dan menunggang motosikal dikenal pasti sebagai antara punca utama kemalangan jalan raya di negara ini.

Kajian yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (Miros) baru-baru ini mendapati, 80 peratus kemalangan berpunca daripada kecuaiannya manusia termasuk penggunaan telefon bimbit ketika memandu kenderaan dan menunggang motosikal.

Menurut **Pakar Psikologi Trafik Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Rozmi Ismail**, kajian yang dilakukan pihak Miros itu amat membimbangkan dan tidak boleh dipandang enteng oleh semua pengguna jalan raya.

"Budaya orang kita menganggap etika keselamatan di jalan raya tidak penting. Mereka mungkin pekerja cemerlang di pejabat atau ibu yang lemah lembut di rumah tetapi bila pegang saja stereng, sikap itu berubah.

"Hal ini kerana, rakyat kita hargai benda-benda lain seperti keluarga, sopan santun,

budi bahasa tetapi soal keselamatan dipandang remeh," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Penasihat pendidikan jalan raya Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan itu juga optimis, sikap pemandu yang baik perlu dipaksa melalui penguatkuasaan undang-undang sebelum ia sebatinya menjadi budaya masyarakat.

"Generasi baharu yang mengamalkan sikap baik di jalan raya akan menjadi dominan pada masa depan. Ia seiring dengan langkah drastik kerajaan untuk menerapkan pendidikan jalan raya dalam silibus mata pelajaran bahasa Melayu yang dijangka bermula tahun depan," ujarnya.

Laman sosial

Sementara itu, **Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Law Teik Hua** pula berkata, beliau turut bersetuju dengan penggunaan telefon bimbit semasa memandu sebagai salah satu penyumbang utama kemalangan jalan raya.

"Kebanyakan daripada mereka menggunakan telefon bimbit dengan melayari laman sosial ketika memandu dan perbuatan ini amat berbahaya kerana pemandu berkemungkinan tinggi akan terdedah kepada kemalangan.

"Penggunaan telefon bimbit semasa memandu adalah salah di sisi undang-undang jalan raya. Lantaran itu, pemandu perlu mengelak daripada menggunakan telefon bimbit semasa memandu," katanya.

Begitupun, beliau berpendapat, sikap pemandu Malaysia masih boleh diubah



KERATAN *Kosmo!* Ahad pada 26 Jun 2016.

dengan komitmen semua pihak termasuk menerapkan pendidikan berkaitan jalan raya sejak daripada bangku sekolah lagi.

Teik Hua kini sedang menjalankan kajian sistem meramal bahaya jalan raya pertama di negara ini yang bertujuan memberi kesedaran kepada pengguna trafik, sekali gus mengurangkan kebarangkalian terlibat dalam kemalangan.

"Pada peringkat awal kajian, saya mendapati, skor markah pelajar yang menjadi sampel

kajian itu agak rendah iaitu di bawah 50 tetapi prestasi mereka boleh menjadi lebih baik selepas mengikuti modul latihan yang ditetapkan.

"Sekiranya kaedah ini berjaya, saya sedia berbincang dengan Miros untuk memperkenalkan inovasi terbaharu di sekolah-sekolah seluruh Malaysia," ujarnya.

Teik Hua menambah, pengguna perlu mengangap sasaran menurunkan statistik kemalangan jalan raya ke peringkat sifar merupakan satu tuntutan sosial.

Usaha mensifarkan nahas jalan raya tidak kira sama ada sempena musim perayaan mahupun di luar musim perayaan bukanlah suatu perkara yang mustahil.

Menutup bicara, beliau menambah, setiap pengguna haruslah mempunyai komitmen yang tinggi semasa berada di jalan raya. Mereka perlu menjaga sikap dan tanggungjawab untuk pemanduan yang berhemah, sekali gus menjamin keselamatan diri dan pengguna jalan raya yang lain.